

BAH

Pelabur - NIC

I

IPOH, 18 April (Bernama) -- Seorang pelabur utama luar negeri di sini yakin bahawa Malaysia dapat mencapai status Negara Perindustrian Baru (NIC) menjelang tahun 2020 seperti yang diwawaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketua Eksekutif dan Pengarah Urusan Carsem (M) Sdn Bhd, Encik Colin Mac Donald juga meramalkan bahawa Malaysia mungkin mencapai status itu lebih awal iaitu sebelum matlamat tempoh 20 tahun jika dasar kerjajaan yang sedia ada untuk menarik para pelabur dengan pelbagai insentif menarik diteruskan.

+Saya tidak dapat melihat sebarang masalah mengapa matlamat Malaysia untuk menjadi NIC tidak boleh menjadi kenyataan. Saya fikir ia akan dicapai lebih cepat daripada tempoh yang dijangkakan,+ katanya kepada Bernama dalam satu temuramah hari ini.

Encik Mac Donald, seorang rakyat Kanada yang mempunyai pengalaman luas di Kanada, Amerika Syarikat, Puerto Rico dan Filipina, berpendapat bahawa Malaysia akan menikmati perkembangan pesat pembangunan industri dalam tempoh lima tahun akan datang berdasarkan peningkatan pelaburan asing di negara ini.

Para pelabur dari Jepun, Taiwan dan Korea, yang kini dalam proses menempatkan semula industri mereka, telah menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama untuk pelaburan mereka di rantau ini, katanya. -- Lagi.

♥18/04/14-14MST

BAH

Pelabur - NIC 2 Ipoh

Sambil menyifatkan Malaysia sebagai +berlian yang belum diasah+ Encik Mac Donald, yang juga naib presiden Dewan Perdagangan dan Perniagaan Antarabangsa Malaysia berkata, program Tahun Melawat Malaysia telah membukakan mata masyarakat antarabangsa terhadap sumber-sumber yang banyak dan potensi luas dalam bidang perdagangan yang dapat ditawarkan oleh negara ini.

Katanya, dengan pembangunan pesat industri elektronik dunia, syarikat itu, satu-satunya syarikat sub-kontrak untuk semi-konduktor, akan melabur \$100 juta dalam program pengembangan dalam masa tiga tahun akan datang.

Syarikat itu telah membeli tanah seluas 12.4 hektar di estet perindustrian Taman Meru di Jelapang, dekat sini, untuk membina kilang barunya yang berharga \$20 juta, katanya.

Bagaimanapun, Encik Mac Donald, berkata, masalah kekurangan pekerja yang semakin kritikal di Malaysia, pengangkutan dan kemudahan tempat tinggal untuk pekerja kilang, memerlukan perhatian serius daripada pihak berkuasa sebelum ia menjadi lebih buruk.

Katanya, kesemua masalah itu penting sekali diatasi bagi menjamin Malaysia mencapai taraf NIC dan menambah kata bahawa para pelabur baru yang datang ke sini menghadapi masalah untuk mendapatkan para pekerja bagi kilang-kilang mereka. -- Lagi.

♥18/04/14-23MST

BAH

Pelabur - NIC 3 Ipoh

Katanya, sebagai contoh, dua firma besar yang pada mulanya bercadang melabur berjuta-juta ringgit dalam rancangan pengembangan mereka di Malaysia mengambil keputusan untuk ke Batam, Indonesia, atas sebab kekurangan tenaga pekerja di sini.

Sebagai langkah sementara, Encik Mac Donald berkata, dewan berkenaan bercadang mengesyorkan kepada kerajaan supaya membenarkan tenaga pekerja asing dibawa masuk untuk mengatasi masalah tenaga pekerja dalam sektor perindustrian.

Walaupun kerajaan sedang mengambil beberapa langkah seperti membina sekolah-sekolah teknikal dan vokasional serta institut-institut latihan bagi mengatasi masalah tersebut; tetapi langkah-langkah itu akan mengambil masa yang agak lama, jelasnya.

Katanya, negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia and Filipina, dengan jumlah penduduk yang ramai, akan memberi tentangan serius kepada rancangan perindustrian Malaysia jika masalah kekurangan tenaga pekerja tidak dapat di atasi dari sekarang.

Encik Mac Donald berkata, kekurangan pengangkutan untuk para pekerja ke kilang itu telah memaksa syarikatnya menyewa 20 buah bas untuk mengangkut pekerja dari rumah ke kilang itu setiap hari. -- Lagi.

♥18/04/14-28MST

CNS9729

R GB 18-04 00066 BA811

BAH

Pelabur - NIC 4 Ipoh

Syarikat itu juga menyewa 35 buah rumah untuk kemudahan 550 pekerja wanitanya dengan sewaan subsidi sebanyak \$15 sebulan seorang.

Beliau menggesa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak (PKENP) menyediakan kemudahan tempat tinggal untuk pekerja-pekerja kilang dengan membina lebih banyak asrama di kawasan kerja masing-masing untuk menarik lebih ramai orang bekerja di kilang-kilang. -- Bernama.

♥18/04/14-31MST